



PM tinjau kejohanan menembak RMP

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluangkan masa meninjau kejohanan menembak RMP (Royal Malaysia Police) 203 Level III di Kelab Menembak Sasaran Shapadu (KMSS), Putrajaya, semalam. Beliau yang turut melawat pelbagai fasiliti di KMSS berada kira-kira 30 minit diiringi Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain. Kejohanan itu berlangsung tujuh hari hingga Ahad ini dan bakal dicatatkan dalam 'Malaysia Book of Records' sebagai kejohanan menembak yang menerima penyertaan peserta paling ramai. Selain disertai 787 peserta, kejohanan Level III yang kali pertama dianjurkan di Malaysia itu juga menarik penyertaan dari Indonesia, Thailand, UAE, Hong Kong, Singapura dan Filipina.